

DAP gugur gantung keahlian Manoharan
The Malaysian Insider
08 Oktober , 2011
Oleh Melissa Chi

KUALA LUMPUR, 8 Okt — DAP menggugurkan hukuman menggantung keahlian enam bulan dikenakan ke atas Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Alam Shah, M Manoharan bulan lalu ekoran kenyataannya berkaitan Jalur Gemilang.

“Jawatankuasa disiplin telah mengetepikan (hukuman menggantung) dan digantikan dengan teguran tegas selepas mengambil kira kekesalan dilahirkan oleh Manoharan dengan memohon maaf dan mengeluarkan komen di Facebook dengan segera,” kata parti itu dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Pada 23 September lalu, jawatankuasa disiplin telah menggantung keanggotaan Manoharan selama enam bulan berhubung kenyataannya bahawa Jalur Gemilang perlu ditukar.

Manoharan (gambar) dikecam berhubung entri dalam Facebooknya yang mencadangkan supaya Jalur Gemilang diubahsuai kerana reka bentuk sekarang menyerupai bendera Barisan Nasional dan tidak melambangkan Malaysia.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gugur-gantung-keahlian-manoharan/>